

Catatan Kuliah Maghrib - Ustaz Nazeri pada 22.01.2010

- Nabi mendapat perintah mendirikan solat "direct" dari Allah;
- Solat adalah perkara pertama yang akan ditimbang / diaudit di akhirat kelak. Dalam solat, kita menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan solat.
- Zakat maknanya adalah pembersihan harta, dikhuatiri harta yang kita perolehi tadi bukan milik kita secara mutlak.
- Haji adalah tempat tujuan dari segi bahasa. Ditujukan ke Mekah dimana ditujukan pula pada Ka'abah. Persamaan Haji dan Solat adalah menghadap kiblat.
- Shahid adalah "confirm" syurga.
- Bila kita bersolat, kita berjihad/berperang/ bersungguh-sungguh mengingati Allah. Kita juga berjihad daripada mendengar bisikan syaitan. Itulah sebabnya solat adalah perkara pertama yang ditimbang dan diaudit kelak.
- Kaitan "meeting" dalam solat kita -Kita sentiasa bersedia dan membuat persediaan sebelum kita menghadiri mesyuarat di pejabat, maka apakah persediaan kita bila menghadap Allah?. Beribadallah pada Allah seolah-olah kita berhadapan dengan Allah.
- Solat juga ada kaitan dengan "peluang". Gunalah peluang yang ada dalam 5 kali/waktu solat itu. Waktu yang paling dekat diantara manusia dengan Allah adalah ketika bersujud. Mintalah apa saja ketika ini maka rebutlah peluang yang ada ini.
- Kenapa perlu solat:-
 - A) Untuk melatih rohani
 - B) Untuk melatih kita untuk "patuh". Dalam solat berjemaah, walau bagaimana degil/panas baran seseorang jemaah itu, dia tetap kena patuh pada Imam;
 - C) Percaya - Dalam solat berjemaah, makmum kena percaya apa yang Imam baca / lakukan;
 - D) Hormat - Dalam solat berjemaah, tidak kira siapa yang menjadi Imam, makmum kena hormat pada Imam dan Imam juga harus hormat pada makmumnya.
 - E) Imam & Makmum ada peranan masing-masing. Jika Imam tersilap baca, makmum hendaklah menegur mengikut adab dan cara yang dibenarkan. Solat berjemaah juga mesti ada kerjasama, hasil dari kerjasama itulah, mendapat saf yang lurus serta rapat.
 - F) Melatih Jasmani - Solat juga merupakan satu "diet" dan "terapi" yang terhebat. Dalam solat juga, kita dapat rehat yang paling optimum yakni rehat yang paling sesuai. Ketika sujud dan to'maminah, jantung kita berada dalam rehat yang paling optimum tadi.

Catatan diambil oleh : Norhanizah Mohamad